

31 JUL 2001

Pahlawan

AGONG LETAK KALUNGAN BUNGA SEMPENA HARI PAHLAWAN

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menyempurnakan istiadat meletak kalungan bunga di Tugu Peringkat Negara di sini sempena Hari Pahlawan 2001 peringkat kebangsaan.

Upacara dimulakan dengan tiupan "Last Post" dan bacaan sajak "Pahlawan" oleh Insp. Rose Bains Kassim. Sajak ciptaan Mejar (B) Mohamad Awang itu berkumandang sayu dengan iringan muzik oleh pancaragam Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Seri Paduka memulakan acara peletakan bunga di hadapan tugu itu, diikuti oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin dan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

Panglima Tentera Darat Jen Tan Sri Mohamed Hashim Hussein, Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamal dan Panglima Tentera Udara Jen Datuk Haji Suleiman Mahmud turut meletakkan kalungan bunga.

Hari Pahlawan disambut pada 31 Julai setiap tahun sebagai mengingati dan menghargai jasa pahlawan negara yang terkorban dan yang tercedera dalam mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Di PORT DICKSON: Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar meletak kalungan bunga sempena sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri di tugu peringatan Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda).

Yang turut meletakkan kalungan bunga ialah Undang Yang Empat, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad serta Panglima 1 Briged Brig Jen Abidin Alwi dan Ketua Polis Negeri Datuk Amiruddin Embi.

Ketibaan Tuanku Ja'afar ke upacara itu disambut oleh Mohamed Isa.

Baginda kemudian menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan yang terdiri daripada empat pegawai dan 120 anggota yang diketuai Mej Zahari Abdullah dari 24 Regimen Askar Melayu Diraja.

Di KOTA KINABALU, sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri Sabah berlangsung di Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua di Jalan Tugu di pusat bandar raya ini.

Sambutan yang bermula pukul 7.30 pagi ini dihadiri Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat yang mengetuai acara meletak kalungan bunga pada tugu berkenaan sebagai tanda penghargaan terhadap jasa perajurit kepada negara.

Yang turut meletakkan kalungan bunga ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk K.Y. Mustafa serta pegawai-pegawai kanan pasukan keselamatan di negeri ini.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman melancarkan kempen Hari Pahlawan Tahun 2001 peringkat negeri.

Pada majlis itu, Abdul Ghani turut menyampaikan peruntukan tahunan kerajaan negeri sebanyak RM100,000 untuk diagih-agihkan kepada bekas tentera dan anggota keluarga pahlawan yang terkorban dari negeri itu.

Empat syarikat swasta menghulurkan derma masing-masing sebanyak RM5,000 kepada Persatuan Bekas Tentera Cawangan Johor sempena pelancaran kempen itu.

-- BERNAMA

RAM MAI NMO